

PM mahu masyarakat desa guna ICT, bioteknologi

Oleh Fazli Abdullah

PUTRAJAYA: Langkah memperluaskan konsep Sekolah Bestari ke semua sekolah terutama di luar bandar bagi memastikan masyarakat desa turut didedahkan dengan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan menggunakannya secara meluas dalam bidang pertanian, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan serius untuk menjadikan sektor pertanian sebagai sumber pendapatan dan kekayaan baru, bukan saja kepada negara tetapi petani dan nelayan yang terabit sepenuh masa dalam sektor itu.

"Idea saya ialah nak mengupayakan orang luar bandar dengan menggunakan ICT dan bioteknologi dalam bidang pertanian. Ini

dapat membantu sektor pertanian supaya lebih baik, lebih tinggi dan bermutu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menutup Konvensyen Gerakan Daya Wawasan Peringkat Kebangsaan 2004 di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) di sini, petang semalam. Turut hadir Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin.

Kira-kira 3,000 peserta konvensyen mendengar amanat Perdana Menteri untuk membawa perubahan kepada masyarakat luar bandar.

Abdullah mengingatkan masyarakat luar bandar bahawa harapan kerajaan itu tidak akan tercapai jika mereka sendiri tidak mengubah minda dan sikap masing-masing ke arah yang menjurus kepada kejayaan.

"Perlu menjadi budaya iaitu kerja

terbaik, cara mesti terbaik, kerja bersungguh-sungguh dan tekun. Ini bukan angan-angan. Ia boleh dijayakan," katanya.

Beliau berkata, antara inisiatif terpenting dalam membangunkan sektor pertanian selain mengembangkan bidang baru seperti bioteknologi ialah mewujudkan industri kecil dan sederhana asas tani di luar bandar.

Katanya, pengwujudan industri tani seperti itu bukan saja meningkatkan pendapatan petani, malah membawa kemajuan ke kawasan desa secara lebih meluas.

Mengulas lanjut pada sidang akhbar selepas majlis itu, Abdullah berkata, strategi kerajaan ialah mengupayakan mereka pengetahuan bidang ICT serta pendidikan berkualiti kepada anak masyarakat desa.

Perdana Menteri berkata, ilmu

pengetahuan menerusi ICT mengenai bidang pertanian bukan saja meningkatkan produktiviti tetapi memberikan saluran kepada golongan itu mengkomersialkan keluaran pertanian masing-masing.

Malah, katanya, sudah ada pengusaha produk hasil pertanian di luar bandar yang menggunakan ICT seperti mengiklan produk masing-masing menerusi internet seperti penjualan kerepek di Johor.

"Dengan menggunakan kemudahan itu, pengusaha berkenaan berjaya meraih jualan kira-kira RM1 juta setahun. Ini satu contoh yang baik," katanya yang mahu ia menjadi contoh pengusaha produk pertanian lain.

Beliau berkata, strategi mengupayakan generasi baru di luar bandar dengan menjadikan sekolah sedia ada di luar bandar sebagai Seko-

lah Bestari adalah kunci kepada meningkatkan produktiviti dan pengeluaran hasil petani.

Katanya, kebanyakan sekolah di bandar sudah ada kemudahan pembelajaran mencukupi dan boleh dianggap sebagai Sekolah Bestari.

"Tetapi yang kurang sangat ialah di luar bandar. Jadi dengan itu, tumpuan kepada luar bandar. Saya fikirkan ini satu pendekatan yang amat baik dan supaya nanti sekolah bandar dan luar bandar tiada apa yang dianggap jurang digital.

"Kita mahu menjadikan sekolah di luar bandar sebagai Sekolah Bestari, bukan nak mewujudkan sekolah yang dipanggil bestari tetapi membestarikan sekolah sedia ada dengan membawa kemudahan dan menyediakan guru berpengetahuan termasuk dalam bidang berkebun," katanya.

BH - 7/7/2004 - 2